

13/03/2001

Maseu nafi bincang mengenai VSS

Nor Liza Ahmad

KESATUAN Kakitangan Penerbangan Malaysia (Maseu) menafikan sedang mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan syarikat itu mengenai tawaran Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) ahlinya.

Sebaliknya dalam pertemuan di antara Maseu dengan pengurusan yang diadakan baru-baru ini, kedua-dua pihak hanya membincangkan perkara berhubung produktiviti kakitangan dan cara meningkatkan prestasi kewangan syarikat.

Presiden Maseu, Alias Aziz, ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam berkata, sehingga kini kesatuan tidak tahu-menahu mengenai sebarang cadangan mengenai tawaran VSS oleh pihak pengurusan.

"Sebelum ini kami memang ada berjumpa dengan mereka (pihak pengurusan) tetapi ia hanya untuk berbincang mengenai bagaimana meningkatkan semangat dan mutu kerja serta membantu memulihkan prestasi kewangan.

"Kami tidak tahu pula mengenai kononnya pengurusan akan mengadakan VSS dan sehingga ini, tiada sebarang perbincangan mengenainya diadakan," katanya menyangkal laporan sebuah akhbar tempatan berhubung perkara itu, kelmarin.

Akhbar harian berbahasa Inggeris itu, dalam laporannya menyebut bahawa pengurusan MAS kini berunding dengan kesatuan mengenai pelaksanaan tawaran VSS kepada anggota kesatuan berkenaan.

Menurut akhbar berkenaan juga, langkah pengurusan menawarkan VSS kepada anggota kesatuan itu antara lain dibuat sebahagi sebahagian daripada usaha MAS untuk mengurangkan tenaga kerjanya yang berjumlah 21,000 orang.

Laporan itu juga menyebut bahawa pengurusan MAS mengadakan pertemuan dengan kesatuan dan persatuan mewakili pelbagai peringkat kakitangan bagi membincangkan perkara berkenaan.

Maseu kini dianggotai kira-kira 9,000 ahli yang membabitkan kakitangan kejuruteraan pesawat sehingga kepada pekerja peringkat rendah.

"Laporan itu ternyata bercanggah dengan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kakitangan MAS tidak akan dibuang kerja apabila pengurusan baru mengambil alih syarikat," kata Alias.

Dr Mahathir baru-baru ini memberi jaminan bahawa kepentingan kakitangan MAS tetap dijaga walaupun pemilikan saham majoritinya sudah berubah kerana golongan itu menjadi aset paling berharga dalam kemajuan dan perkembangan negara.

Bagaimanapun, Alias berkata pihaknya tidak tahu pula jika perkara seperti yang dilaporkan dalam akhbar itu akan berlaku dalam tempoh terdekat ini tetapi kemungkinan itu dirasakan tipis.

Selain itu katanya, kesatuan sentiasa bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan sebagai langkah berjaga-jaga dan memastikan supaya kebajikan ahlinya tidak diperlekehkan.

(END)